



**TEKS UCAPAN ALUAN
YS PPJB MOHD PISAR BIN AZIZ
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN
KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN MUSIM PERAYAAN
AIDILFITRI DAN
OPS SIAGA MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI
2025**

**PADA
26 MAC 2025 (RABU)**

**MASA
3.00 PETANG**

**TEMPAT
MYDIN MALL, MITC, MELAKA**



Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis, PgKB II Hafizah binti Jamaluddin dan PBK II (TBK II) Mohamad Safiee bin Mohamad Masrom dan terima kasih juga kepada al-Fadhil TPgB II Kamaruddin bin Mustafa, yang telah membacakan doa, memohon rahmat Allah ke atas majlis pada hari ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani,

Yang Berhormat

Penguasa Kanan Bomba 1, R. Saiful Iswandy bin R Hasan

Timbalan Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

Penguasa Kanan Bomba 2, Zulkifli bin Nordin

Penolong Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

Penolong Pengarah Bahagian, Ketua-ketua Zon, Ketua-ketua Balai Bomba,

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Negeri Melaka,

Dif-Dif Jemputan, Pegawai-pegawai Kanan Persekutuan Dan Negeri,

Pegawai-pegawai kanan Jabatan, Pemimpin-pemimpin masyarakat,

Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita dipertemukan dalam majlis yang bermakna ini dalam **Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Kebakaran Musim Perayaan Aidilfitri dan Ops Siaga Musim Perayaan Aidilfitri Tahun 2025**, peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka pada petang ini
2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB **Datuk Seri Hj. Naim bin Abu Bakar,**

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, yang sudi melapangkan masa untuk bersama-sama dalam majlis ini serta menyempurnakan majlis pelancaran sebentar saja lagi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir bersama-sama memeriahkan majlis ini dengan serangkap pantun;

***Kuning Emas Masaknya Padi,
Mawar Merah Dalam Jambangan,
Terima Kasih daun Keladi,
Budi Tuan Jadi Kenangan.***

3. Untuk makluman YB Datuk Seri, pada sebelah pagi tadi, anggota jabatan bomba telah bergotong royong memasak beberapa jenis bubur, antaranya adalah bubur kacang hijau, bubur caca, bubur jagung dan lambuk di Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh. Bubur lambuk ini akan diagihkan kepada anggota yang bertugas di balai-balai sebagai juadah berbuka puasa nanti dan juga diagihkan kepada tetamu yang hadir dalam majlis pada hari ini serta kepada pengguna Jalan Raya.
4. Saya bagi pihak JBPM Negeri Melaka merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MYDIN Mall, kerana telah turut memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan majlis ini. Semoga kerjasama seperti ini akan dapat diteruskan lagi di masa hadapan.

YB Datuk Seri, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

5. Untuk makluman Datuk Seri, Pelancaran Ops Raya 2025 peringkat kebangsaan telah di lancarkan dengan rasminya oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pada 24 Mac yang lepas bertempat di **Pusat Beli Belah Aeon Shah Alam.**
6. Tumpuan utama Pelancaran Program pada hari ini adalah berkenaan **Keselamatan Kebakaran di Premis dan Keselamatan Di Jalan Raya** iaitu Pemeriksaan Bangunan dan Rondaan Musim Perayaan.

PEMERIKSAAN BANGUNAN.

7. JBPM Negeri Melaka telah melaksanakan Pemeriksaan penguatkuasaan dan Membasmi Bahaya Kebakaran (MBK) di premis-premis perniagaan seperti pusat membeli belah dan pasaraya bermula **dari 29 Mei 2014 dan akan berakhir pada 7 Julai 2014.** Pemeriksaan ini bertujuan bagi memastikan semua laluan keselamatan bebas daripada apa-apa jenis halangan. Tumpuan juga diberikan kepada pemeriksaan sistem keselamatan kebakaran, laluan tangga kecemasan dan keadaan pintu rintangan api. Notis atau denda boleh dikeluarkan kepada mana-mana premis yang didapati melanggar peruntukan sediaada.

- Mana-mana premis yang tidak mengikut peraturan ditetapkan boleh didakwa mengikut seksyen 10 Akta 341 Perkhidmatan Bomba 1988 yang memperuntukan denda sehingga RM 5,000 atau penjara sehingga 5 tahun.

RONDAAN MUSIM PERAYAAN

8. Rondaan OPS Siaga Raya telah pun bermula **dari 18 Jun dan akan tamat pada 2 Julai 2017**. Usaha ini dilihat dapat mempercepatkan 'response time' Jabatan Bomba bagi mengesan bahaya awal yang boleh menyumbang kepada berlakunya kebakaran atau kemalangan di sesuatu kawasan dan dapat memberikan bantuan rawatan awal di tempat kejadian. Unit ini juga akan membuat rondaan pemantauan keselamatan di lebuhraya dan jalan persekutuan. Kenderaan bomba seperti *Light Fire Rescue Tender (LFRT)*, *Rapid Intervention Motorcycle (RIM)* dan *Rapid Rescue Vehicle (RRV)* digunakan di lebuhraya manakala kenderaan seperti Mitsubishi Pajero, Produa Kembara serta Van Pergio digunakan di jalanraya biasa atau jalanraya utama.
9. Selain daripada itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengenalpasti 19 lokasi strategik masing-masing 15 di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan manakala empat lagi di Lebuhraya Pantai Timur. "Satu unit jentera dengan kekuatan tujuh orang pegawai serta sebuah kenderaan Perkhidmatan Perubatan Kecemasan (EMRS) bersama-sama tiga pegawai akan ditempatkan di lokasi tersebut sepanjang Ops Raya

dijalankan. Manakala di Negeri Melaka Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka telah menempatkan Jentera dan anggota di Plaza Tol Simpang Ampat, Alor Gajah, serta membuat rondaan yang lebih kerap di sepanjang lebuh raya dari Alor Gajah hingga ke Jasin.

YB Datuk Seri, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

10. Kita sering melihat, mendengar dan membaca laporan media massa mengenai kejadian kebakaran yang berlaku di seluruh Negara. Kebanyakannya melibatkan kehilangan nyawa dan kerugian harta benda. Kesannya keluarga yang terlibat akan kehilangan orang yang tersayang termasuk harta benda. Kerajaan pula terpaksa memperuntukan bantuan berjuta-juta ringgit kepada mangsa-mangsa kebakaran sedangkan peruntukan tersebut boleh digunakan untuk pembangunan kemudahan prasarana yang lain kepada masyarakat.
11. Mengikut perangkaan sepanjang **tahun 2023**, JBPM Negeri Melaka menerima sebanyak **1,887 panggilan kebakaran**, manakala semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri sahaja JBPM Negeri Melaka telah respon kepada **206 panggilan kebakaran**.
12. Pada **tahun 2024**, JBPM Negeri Melaka menerima sebanyak **2,465 panggilan kebakaran** iaitu peningkatan sebanyak 13.9% jika dibandingkan pada tahun 2023. Manakala semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2024 JBPM Negeri

Melaka telah respon kepada 197 panggilan kebakaran. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 4.6% pada musim perayaan jika dibandingkan tahun 2016.

13. Berdaraskan perangkaan dari Bahagian Penyiasatan Kebakaran, semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri sahaja, sebanyak 44 kes kebakaran struktur telah disiasat pada tahun 2016. Sumber nyalaan atau punca kebakaran akibat elektrik adalah penyumbang utama kebakaran struktur iaitu 21 kes. Yang kedua pula akibat peralatan Gas iaitu sebanyak 8 kes dan yang ketiga adalah disebabkan oleh mancis iaitu sebanyak 5 kes.

YB Datuk Seri, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

14. Kebakaran boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa sebarang pertunjuk. Lantaran itu kebanyakan daripada kita tidak mengendahkan langkah-langkah keselamatan kebakaran yang telah dinasihatkan semasa berada di tempat kerja atau rumah. Masih terdapat permis-permis yang tidak mempunyai laluan kecemasan yang sempurna jika berlaku kebakaran. Adakalanya terdapat tangga-tangga terlindung dijadikan tempat penyimpanan barang-barang dan pintu rintangan api dikunci atau dihalang. Ini akan melambatkan/menyukarkan penghuni-penghuni premis melepaskan diri semasa kecemasan. Selain daripada itu terdapat juga pemunya-pemunya premis atau orang perseorangan yang tidak memberi komitmen untuk memastikan premis-premis tersebut selamat diduduki seperti mengabaikan penyelenggaraan sistem pencegah kebakaran yang sedia ada, tetapi mereka tidak

menyedari bahawa kerugian adalah jauh berlipat kali ganda jika kebakaran berlaku berbanding dengan kos penyelenggaraan.

15. Saya ingin menasihati orang ramai supaya memberi keutamaan mengenai aspek-aspek keselamatan kebakaran di premis-premis perniagaan, bangunan pejabat dan rumah kediaman dalam kehidupan kita seharian demi kesejahteraan bersama. Hasrat kerajaan adalah untuk melihat rakyat negara ini mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap bahaya kebakaran seperti mana di negara-negara maju. Oleh itu saya merayu pada semua lapisan masyarakat di negeri ini supaya memberi komitmen dan memberi sokongan kepada JBPM sepanjang masa. Peribahasa kita ada menyatakan **“Sepakat Membawa Berkat”** dan seharusnya kita mengamalkannya dalam memastikan negara kita bebas daripada bahaya kebakaran.

YB Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

16. Bersempena dengan majlis pelancaran pada petang ini, saya menyeru kepada semua masyarakat dan kepada sesiapa yang akan balik ke kampung untuk beraya dan juga hendak pergi beraya, sila:
 - i. Pastikan suis-suis elektrik dirumah anda telah di matikan dan cabut plug peralatan elektrik di rumah dari soket.
 - ii. Periksa dapur gas anda sebelum balik ke kampung atau pergi beraya.

- iii. Jika kereta ditinggalkan di rumah tanggalkan kepala bateri dan jauhkan bahan mudah bakar dari tempat letak kereta.
 - iv. Pesan jiran-jiran yang berhampiran, kalau boleh buat pesanan kepada balai polis yang terdekat.
 - v. Pastikan keadaan kenderaan anda selamat digunakan.
 - vi. Rehat sebentar jika rasa letih atau mengantuk semasa memandu.
17. Undang-undang, penguatkuasaan serta penganjuran kempen kesedaran keselamatan tidak memberikan makna dan kesan sekiranya kita masih mengamalkan sikap lalai, endah tak endah ketika meninggalkan rumah untuk beraya, tidak berhemah, tidak berdisiplin dan beretika semasa menggunakan jalan raya. Kita semestinya berusaha gigih untuk menangani masalah kebakaran premis dan keselamatan jalan raya ini. Jika langkah-langkah pencegahan tidak diambil, insiden kebakaran premis dan kemalangan sudah pasti akan terus meningkat pada setiap tahun.
18. Saya amat berharap aktiviti-aktiviti seumpama ini akan menerima sokongan daripada semua lapisan masyarakat dan dapat mencapai tujuan kita untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan menjadikan negara kita Malaysia suatu tempat yang lebih selamat untuk didiami, bekerja dan dilawati. Kepada rakan-rakan media, saya mengucapkan jutaan terima kasih atas liputan yang diberi dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat

di Negeri Melaka ini selain mampu member motivasi kepada anggota bomba yang bertugas.

19. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada **YB Datuk Seri Hj. Naim bin Abu Bakar, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka**, atas kesudian melapangkan masa hadir bersama-sama dengan kita pada hari ini serta sentiasa memberi idea, sokongan dan komitmen dalam memajukan serta memartabatkan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia khususnya di negeri Melaka. Semoga program yang dianjurkan ini memberi input yang berguna kepada masyarakat dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak MYDIN Mall, kerana telah membenarkan program ini dijalankan di sini. Tidak lupa juga kepada Jawatankuasa Kerja yang telah bertungkus lumus memastikan kejayaan majlis hari ini dan program seterusnya dilaksanakan dengan jayanya. Saya berharap semoga kita dapat menghayati sepenuhnya objektif program ini diadakan.

***Rumah terbakar panggil bomba,
Bomba datang berlumba-lumba,
Silap dan salah menyusun kata,
Ampun dan maaf pohon dipinta,***

Sekian, saya sudahai dengan Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalammulaikum W.B.T.

Terima kasih